

10/06/2003

Kerajaan mahu operasi VCD haram, lucah berterusan

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Kerajaan mahu operasi memerangi cakera padat video (VCD) haram/lucah, perjudian dan pelacuran oleh pihak berkuasa, khususnya polis, dilakukan secara berterusan bagi memastikan gejala itu tidak muncul semula.

Pendirian kerajaan itu dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam dua majlis berasingan semalam.

Dr Mahathir ketika menjawab soalan pemberita selepas merasmikan sesi ketiga Dialog Bajet 2004 di Perbendaharaan di sini, berharap usaha memerangi gejala itu bukan bersifat bermusim.

"Ini sesuatu yang perlu dilakukan berterusan. Jika anda mula relaks, ia akan kembali. Jadi polis akan diminta meneruskan tindakan sepanjang masa," katanya mengulas tindakan membanteras gejala itu.

Polis kelmarin mengisytiharkan operasi mereka selama dua minggu di seluruh negara untuk menghentikan pengedaran VCD cetak rompak dan lucah sebagai berjaya.

Dalam operasi itu, seramai 448 orang ditahan, manakala lebih dua juta VCD cetak rompak dan lucah dianggarkan bernilai lebih RM13 juta dirampas.

Polis memeriksa 799 premis tetap dan terbuka yang terbabit dalam kegiatan penjualan VCD berkenaan. Daripada 2,366,256 keping VCD yang dirampas, 141,731 keping ialah VCD lucah dianggarkan bernilai RM1,417,310.

Perdana Menteri juga berkata, masyarakat harus memainkan peranan dengan membantu pihak berkuasa menangani masalah ini.

"Orang ramai yang ada maklumat harus memberitahu pihak berkuasa. Kadang kala maklumat ini diperlukan bagi membolehkan tindakan diambil. Jika ada maklumat, kita akan ambil tindakan," katanya.

Ditanya kenapa sering kali Perdana Menteri sendiri perlu mendorong polis dan pegawai penguat kuasa untuk bertindak, Dr Mahathir berkata, itu sesuatu yang beliau perlu laksanakan.

"Anda tidak boleh meminta sesiapa saja untuk memberi arahan kepada seseorang pegawai kanan. Arahan itu mestilah disampaikan oleh seorang yang lebih kanan," katanya.

Ditanya apakah ada menteri-menteri yang sepatutnya bertanggungjawab, beliau berkata: "Ya, tetapi kita bincangkannya di Kabinet. Ia keputusan kolektif."

Sementara itu, Abdullah berkata, kejayaan polis menumpaskan gejala itu dalam tempoh singkat tidak bermakna tindakan penguatkuasaan akan dihentikan. Sebaliknya, kejayaan itu harus disusuli dengan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan.

"Polis kata telah berjaya melumpuhkan lebih 80 peratus (kegiatan mengedar dan menjual video lucah) tapi tidak bermakna ia sudah habis," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK), di sini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, kegiatan mengedar VCD lucah dan haram akan terus diperangi dan tindakan penguatkuasaan ke atasnya tidak boleh selesai.

Beliau berkata, tindakan penguatkuasaan yang diteruskan mestilah lebih berkesan dan pihak polis tidak boleh lalai dalam tindakan penguatkuasaannya.

"Mungkin ada penyangak (pengedar dan penjual VCD) yang cari wang dan buat tindakan tertentu. Polis tidak boleh lalai dalam penguatkuasaannya," katanya.